

Jenis Akhbar : Berita Harian Online  
Tarikh : 10/01/2023  
Edisi / Muka surat : <https://www.bharian.com.my/>  
Tajuk : Koperasi bawah ANGKASA perlukan 100,000 buruh ladang, industri

## Koperasi bawah ANGKASA perlukan 100,000 buruh ladang, industri

Oleh Azhar Shahrulnizam - Januari 10, 2023 @ 10:20pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Presiden ANGKASA, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah (dua dari kiri) bertukar dokumen bersama Pengurus Eksekutif Agensi Pekerjaan MM Maju Sdn Bhd, Datuk Idris Basri (tiga dari kiri) selepas menandatangani dokumen persefahaman keperluan tenaga kerja asing.

PETALING JAYA: Koperasi di negara ini, memerlukan kira-kira 100,000 pekerja asing dalam masa terdekat ini bagi memastikan sektor perladangan dan perindustrian yang diceburi perniagaan itu tidak terjejas.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata berdasarkan tinjauan, pihaknya mendapati koperasi memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 pekerja asing dalam jangka masa yang terdekat.

"Berdasarkan tinjauan yang kami lakukan bersama 50 koperasi, 10,000 pekerja yang diperlukan itu hanyalah daripada sektor peladangan.

"Jika diambil kira keseluruhan perniagaan koperasi, kita memerlukan sekurang-kurangnya 100,000 orang tenaga kerja," katanya ketika majlis menandatangani memorandum persefahaman di Wisma Ungku Aziz hari ini.

Pada majlis itu, ANGKASA menandatangani MoU dengan MM Maju Sdn Bhd (MM2H) bagi membantu gerakan koperasi yang memerlukan tenaga kerja asing dalam sektor perladangan dan perindustrian.

Yang turut hadir Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik; Pengurus Eksekutif MM2H, Datuk Idris Basri dan Pengarah MM2H, Alzolmin Mohammad Sharif.

Abdul Fattah berkata, MM2H dipilih sebagai rakan strategik disebabkan ANGKASA mempunyai keyakinan terhadap syarikat itu berdasarkan pengalaman dan rekod menjalankan tugas dengan baik.

Katanya, permasalahan yang dihadapi oleh koperasi pada fasa pra-endemik COVID-19 adalah masalah kekurangan tenaga kerja.

"Secara idealnya, nisbah keperluan buruh adalah seorang bagi setiap 10 hektar ladang. Namun, keadaan itu sukar dicapai buat masa ini, malah ada sesetengah keadaan, nisbahnya meningkat kepada 40 hektar bagi setiap seorang buruh.

"Perkara ini sudah tentu menyukarkan keseluruhan operasi dalam sektor perladangan. Kita mempunyai alternatif seperti penggunaan mesin dan jentera di ladang tetapi untuk menukar proses cara kerja ini kita memerlukan masa yang panjang dan juga kos yang tinggi untuk meningkatkan kemahiran pekerja bagi membolehkan mereka mengendalikan jentera tersebut," katanya.

Beliau berkata, kebergantungan terhadap pekerja asing ini masih lagi tinggi kerana sektor ini tidak mendapat sambutan daripada golongan muda kerana memerlukan tenaga dan juga kemahiran yang tinggi.

Abdul Fattah juga berharap melalui kerjasama bersama MM2H dapat memastikan cabaran kekurangan tenaga kerja ini dapat diatasi di samping ANGKASA dapat memastikan koperasi di negara ini dapat memberikan impak yang positif kepada sosio-ekonomi negara